

## **PUSAT LATIHAN PENJARA WILAYAH SARAWAK**



### **1. PENGENALAN**

Jabatan Penjara Malaysia Limbang telah diberi kepercayaan untuk mengambil-alih sementara fungsi dan peranan sebagai Pusat Latihan Wilayah Sarawak Limbang menggantikan Pusat Latihan Wilayah Sarawak Semuja yang telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Imigresen Malaysia.

Lokasi tapak Pusat Latihan Penjara Wilayah Sarawak, Limbang terletak kira-kira 11 km dari Bandar Limbang dan bersebelahan Jalan Nanga Medamit.

Dalam usaha untuk membangunkan modal insan dan memastikan semua kakitangan dapat mencapai sekurang-kurangnya 7 hari kursus dalam setahun, Pusat Latihan ini telah menganjurkan beberapa kursus dalaman kepada kakitangan Jabatan Penjara Malaysia Limbang



seperti Kursus Ulangkaji Kepenjaraan, Kursus Asas Pengkomputeran, Kursus Bimbingan Temuduga bagi wadar Gred KX17, dan lain-lain lagi.

Pusat Latihan ini juga telah dipilih sebagai pusat Kursus Pegawai Parol bagi zon Sarawak yang telah diadakan pada 11 Februari 2008 hingga 29 Februari 2008. Selain itu, Bahagian Pemulihan dan Rawatan, IPPM juga bercadang untuk menganjurkan Kursus Plan Pembangunan Insan Zon Negeri Sarawak.



Hasil Mesyuarat Pengurusan Latihan Bahagian Sumber Manusia Bil 2/2008 telah memberikan tanggungjawab kepada Pusat Latihan ini untuk mengendalikan dan melaksanakan Kursus Asas Pengurusan Penjara Fasa I bagi Wadar Penjara Gred KX17 selama 1 bulan sebelum meneruskan lagi Kursus Asas Pengurusan Penjara Fasa II selama 3 bulan di institusi latihan penjara yang terdapat di Malaysia. Pusat Latihan ini telah mencapai kejayaan dengan melaksanakan Kursus Asas Pengurusan Penjara Fasa I bagi pengambilan awal tahun 2008. Seramai 54 orang wadar penjara gred KX17 yang terdiri daripada insitusi Penjara Kota Kinabalu, Penjara Pusat Sri Aman, Penjara Pusat Sibu, Penjara Pusat Miri begitu juga tidak ketinggalan Jabatan Penjara Malaysia Limbang telah mengikuti latihan asas kepenjaraan pada 27 Mei

2008 sehingga 26 Jun 2008 selama tempoh 1 bulan. Hasil daripada pencapaian tersebut, Pusat Latihan ini juga diberikan kepercayaan sekali untuk melaksanakan Kursus Asas Penjara Fasa I selama 1 bulan iaitu bermula 6 Oktober 2008 hingga 5 November 2008 dengan seramai 48 orang pegawai penjara gred KX17 daripada institusi Penjara Kota Kinabalu, Sabah, Penjara Pusat Kuching, Penjara Pusat Sri Aman, Penjara Pusat Sibu dan Penjara Pusat Miri.

## **2. VISI**

- Untuk menjadi sebuah Pusat Latihan asas kepada pegawai penjara yang terunggul, disegani dan setaraf dengan institusi latihan lain di Malaysia

## **3. MISI**

- Melahirkan pegawai penjara yang berketrampilan tinggi dengan asas kepenjaraan melalui pembelajaran dan latihan yang efektif demi mencapai keperluan dan piawaian Jabatan Penjara Malaysia.

## **4. OBJEKTIF**

- Memberikan pelajaran, kemahiran dan pengetahuan asas kepenjaraan kepada pegawai penjara.
- Menerapkan nilai-nilai disiplin yang tinggi di kalangan pegawai penjara.

- Membentuk pegawai penjara yang mempunyai semangat kesetiaan, "espirit de corp" dan berintegriti dengan Jabatan Penjara Malaysia.

## **5. PIAGAM PELANGGAN**

- Bersedia memberikan ilmu pengetahuan asas kepenjaraan kepada peserta kursus dengan lebih berkesan dengan keperluan-keperluan pembelajaran dan penginapan yang lebih selesa serta sentiasa dipertingkatkan dalam memberikan kepuasan hati kepada peserta kursus.

## **6. ALAMAT SURAT MENYURAT :**

Pusat Latihan Penjara Wilayah Sarawak,  
Jabatan Penjara Malaysia,  
Pejabat Jabatan Penjara Malaysia Limbang,  
Jalan Nanga Medamit,  
Peti Surat No. 306,  
98709 Limbang,

**SARAWAK**

### **Talian Telefon dan Faks:**

Telefon : 085-211066 / 211068 (Operator)  
Faks : 085-211060  
Email : [fathi@prison.gov.my](mailto:fathi@prison.gov.my)

## **7. KEMUDAHAN DISEDIAKAN**

Di antara kemudahan yang disediakan kepada peserta kursus adalah seperti berikut:-



**PEJABAT PENTADBIRAN**



**BILIK KULIAH**



**ASRAMA LELAKI**



**ASRAMA WANITA  
(KUARTERS DAHLIA )**